

05 DEC 1997

ENAM LAGI PERJANJIAN DIMETERAI DI LIMA '97

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) -- Enam lagi perjanjian mengenai projek usahasama aero-angkasa dan automobil telah dimeterai pada hari keempat Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Lima '97 di sini, hari ini.

Kesemua perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khazanah Nasional Berhad dan British Aerospace memeterai perjanjian kerjasama untuk memajukan keupayaan Malaysia dalam membentuk dan mengeluarkan produk aero-angkasa.

Kerjasama itu akan membolehkan Malaysia memperolehi teknologi aero-angkasa dan mewujudkan kemahiran teknikal serta harta intelektual untuk bersaing dalam kerja-kerja aero-angkasa antarabangsa dan program pesawat masa hadapan.

Pengarah urusan Khazanah Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim memeterai perjanjian berkenaan sebagai mewakili cabang pelaburan kerajaan itu manakala British Aerospace diwakili oleh pengarah urusannya, Allan MacDonald.

British Aerospace berkata perjanjian itu memperuntukkan penubuhan perusahaan bersama yang mungkin termasuk pelaburan oleh Khazanah dalam Avro Regional Jet Business yang dimiliki penuh oleh British Aerospace.

Sementara itu, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) menandatangani perjanjian berasingan dengan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Kelab Penerbangan Diraja Selangor (RSFC) dan Denel Aviation Malaysia.

CTRM diwakili oleh ketua pegawai eksekutifnya, Tan Sri Dr Chen Lip Keong, manakala Proton, RSFC dan Denel masing-masing diwakili oleh Datuk Wira Salleh Sulong, Lt-Jen Datuk Nawi Alias dan Johann Holdt.

Perjanjian dengan Proton adalah untuk menubuhkan pengeluaran sub-kontrak bahagian-bahagian komposit oleh CTRM bagi kereta sport Lotus Elise Proton. Buat masa sekarang, semua alat-alat dikeluarkan dan diperolehi daripada United Kingdom.

Perjanjian dengan RSFC adalah bagi penjualan dua pesawat Eagle 150 kepada sebuah kelab penerbangan. Ia akan digunakan oleh anggota-anggotanya untuk tujuan rekreasi dan latihan bagi lesen juruterbang persendirian.

Dengan Denel Aviation, CTRM berharap untuk menceburi dalam bidang pengeluaran sub-kontrak dalam tempoh jangka panjang bagi komponen komposit dan untuk menyediakan sokongan logistik kepada komponen-komponen itu bagi helikopter perang Rooivalk.

Dua perjanjian lain membabitkan Aerospace Industries Malaysia (AIM) dengan Hunting Aviation Ltd dari UK mengenai latihan penerbangan tentera dan Aero Invest dari Jerman bagi mengadakan perniagaan penyelenggaraan jet dan pusat penyiapan. -- BERNAMA

MOK ZK MA